



Pelajar SMK Sungai Soi menggunakan kemudahan wakaf sumbangan BH.



Badrulhisham (dua dari kiri) bersama Rosli (dua dari kanan), Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Kuantan, Yacob Zaidin (kanan) dan Mahadzir (kiri) pada majlis penyerahan Wakaf BH di SMK Sungai Soi, Kuantan, semalam.

SMK Sungai Soi sekolah kedua terima sumbangan Wakaf BH

Kemudahan wujud persekitaran pembelajaran selesa, kondusif

Oleh Shahrinnahar Latib
bhnews@bh.com.my

■ Kuantan

Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sungai Soi, di sini, semalam, menjadi sekolah kedua di negara ini menerima sumbangan Wakaf BH sempena sambutan ulang tahun akhbar ini ke-60 pada 1 Julai ini.

Timbalan Pengarang Kumpulan BH, Datuk Badrulhisham Othman, berkata program Wakaf BH itu ada-

lah sebahagian tanggungjawab sosial korporat (CSR) BH untuk mendekati komuniti termasuk sekolah menerusi pelbagai program dianjurkan.

Beliau berkata, sumbangan itu diharapkan dapat dimanfaatkan warga guru dan pelajar sekolah itu bagi melaksanakan aktiviti di luar kelas.

Dilengkapi lampu LED berteknologi hijau

"Ini adalah wakaf kedua sumbangan BH selepas yang pertama pada Februari lalu di Sekolah Kebangsaan (SK) Jeram Batu 20, Selangor. Baki empat wakaf akan diserahkan kepada sekolah di Kelantan, Melaka, Pulau Pinang dan Johor dalam masa terdekat.

"Kita berharap sumbangan ini dapat membantu menyediakan persekitaran pembelajaran yang teduh, selesa dan kondusif untuk guru dan murid menjalankan aktiviti luar kelas," katanya berucap pada Majlis Penyerahan Wakaf BH di SMK Sungai

Soi, di sini, semalam.

Wakaf BH itu juga diberi nilai tambah dengan dilengkapi lampu LED berteknologi hijau kerana menggunakan sumber tenaga solar sumbangan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof Datuk Dr Rosli Mohd Yusof, Pengetua SMK Sungai Soi, Mahadzir Hanapiyah, Ketua Eksekutif UMP Advanced Education Sdn Bhd, Mohd Rozi Hassan dan Pengarah Pusat Akademik dan Kerjaya Jerman (GACC) UMP, Dr Muhammad Mat Noor.

Badrulhisham berkata, BH adalah akhbar pertama di negara ini yang memperkenalkan konsep Akhbar Dalam Darjah (ADD) bermula tahun 1984.

"Pada 29 Jun 1985, BH memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Kementerian Pendidikan ba-

gi memperkenalkan konsep ADD di sekolah seluruh negara.

Sehingga kini, lebih 2,000 sekolah di seluruh negara sudah melanggan BH menerusi program Belajar@BH yang dimanfaatkan antara bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran," katanya.

Suntikan semangat pelajar

Sementara itu, Mahadzir berkata, Wakaf BH memberi suntikan semangat kepada pelajar sekolah itu hadir bagi melaksanakan pelbagai aktiviti di situ.

"Pelajar boleh bersantai dan bertukar fikiran, malah ia juga menjadi satu daya tarikan kepada sekolah kerana reka bentuknya yang menarik dan cantik.

"Kami terharu kerana BH memilih sekolah ini untuk menerima wakaf ini. Kemudahan wakaf adalah yang pertama di sekolah ini, sekali gus mengindahkan lagi persekitaran sekolah," katanya.

Kekitangan UMP menerangkan penggunaan lampu tenaga solar di Wakaf BH.



(FOTO FARIZUL HAFIZ AWANG-BH)



Kemudahan Wakaf BH membolehkan pelajar berehat, selain menggunakannya sebagai tempat mengulang kaji pelajaran bagi menghadapi peperiksaan. Ia juga menjadi satu daripada sudut pusat sumber dan diletakkan buku serta akhbar BH bagi memudahkan pelajar membaca"

Maziah Ismail, Guru Perpustakaan dan Media SMK Sungai Soi



Wakaf ini hadiah istimewa daripada BH kepada kami. Kemudahan ini sangat selesa, ditambah dengan adanya lampu solar yang membolehkan kami menggunakannya untuk perbincangan bersama rakan sekolah pada waktu malam"

Ummi Tieman Kamarudin, Pelajar Tingkatan Lima SMK Sungai Soi

Fakta nombor

6 SEKOLAH

terpilih seluruh negara menerima Wakaf BH

969 PELAJAR

SMK Sungai Soi

72 GURU

bertugas di SMK Sungai Soi

UMP pemangkin tingkat pengetahuan komuniti

Kuantan: Universiti Malaysia Pahang (UMP) mahu meluaskan agenda memasyarakatkan kewujudannya sebagai sebuah institusi pendidikan dan sosial serta menjadi pemangkin kepada peningkatan pengetahuan dan kemahiran komuniti.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMP, Prof Datuk Dr Rosli Mohd Yusof, berkata pihaknya tidak mahu hanya memberi tumpuan kepada penawaran program akademik arus perdana tetapi pada masa sama, turut membantu masyarakat meningkatkan kemahiran mereka.

Beliau berkata, agenda itu tidak boleh dijayakan secara satu pihak saja tetapi memerlukan sinergi multilateral iaitu pembabitkan pelbagai pihak demi kesejahteraan semua lapisan masyarakat sama ada di bandar atau luar bandar.

Sedia jalin kerjasama

"UMP sentiasa mengalu-alukan dan bersedia bekerjasama dengan agensi awam, syarikat swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) pertubuhan sukarela yang berhasrat berkolaborasi dengan kami bagi pembangunan komuniti khususnya dalam kon-

teks perkhidmatan pendidikan, pengupayaan sosioekonomi serta pemindahan teknologi," katanya berucap pada Majlis Penyerahan Wakaf BH di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sungai Soi, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Pengarang Kumpulan BH, Datuk Badrulhisham Othman, Pengetua SMK Sungai Soi, Mahadzir Hanapiyah, Ketua Eksekutif UMP Advanced Education Sdn Bhd, Mohd Rozi Hassan dan Pengarah Pusat Akademik dan Kerjaya Jerman (GACC) UMP, Dr Muhammad Mat Noor.

Wakaf sumbangan BH itu juga turut dilengkapi lampu solar LED berteknologi hijau sumbangan UMP.

Kurangkan pencemaran

Rosli berkata, UMP juga akan terus melebarkan jaringan manfaat aplikasi teknologi kepada masyarakat dengan kepakaran teknikal dan penyelidikan dimiliki universiti berkenaan.

"Pemasangan projek sistem solar pada Wakaf BH yang dilaksanakan di SMK Sungai Soi itu adalah satu inisiatif bagi menggalakkan aplikasi teknologi hijau melalui perolehan bekalan elektrik yang berterusan daripada sumber mesra alam.

"Ia sekali gus mengurangkan pergantungan kita kepada sumber elektrik yang dijana daripada bahan api fosil yang berisiko mencemarkan alam sekitar akibat kesan rumah hijau," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, pada majlis berkenaan juga, seramai 60 pelajar SMK Sungai Soi mengikuti program Empower SMART yang dikendalikan penyarah dan pelajar UMP bertujuan meningkatkan prestasi akademik peserta melalui kemahiran belajar yang betul berdasarkan modul latihan akademik yang interaktif dan memudah cara.

"GACC dan Jabatan Kemahiran Insaniah, Pusat Bahasa Moden serta Sains Kemajuan UMP turut membina 20 mahasiswa program dwi-ijazah UMP-Karlsruhe University of Applied Sciences (HsKa) di Jerman untuk bengkel roket air membabitkan penyertaan 100 pelajar SMK Sungai Soi.

"Aktiviti ini juga mendidik pelajar mengemari bidang sains, matematik, teknologi dan kejuruteraan serta memberi peluang berinteraksi dengan pelajar UMP dan berharap mungkin ada pelajar sekolah ini turut menyertai program dwi-ijazah ini," katanya.



Pelajar SMK Sungai Soi mengikuti sesi ulang kaji mata pelajaran Matematik dan Sains, semalam.